

ABSTRAK.

Tajuk disertasi ini ialah *Pemikiran Politik Islam Dalam Taj al-Salatin Dan Bustan al-Salatin: Satu Perbandingan Konsep*. Penulisannya dibahagi kepada lima bab yang disusun mengikut urutan kepentingan. Bermula dengan bab satu dengan tajuk "Pendahuluan", diikuti dengan bab kedua yang bertajuk "Latar belakang pengarang teks *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*". Seterusnya bab ketiga bertajuk "Sinopsis *Bustan al-Salatin* dan *Taj al-Salatin* serta analisis keduanya". Bab keempat adalah kemuncak perbincangan iaitu "Konsep-konsep pemikiran politik Islam dalam *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*". Penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan metod penentuan subjek, metod pengumpulan data dan metod analisa data. Metod histori, metod dokumentasi dan metod pemerhatian digunakan untuk mengumpul data-data yang diperlukan.